

Malaysia tak tunduk desakan

Sibu: Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan Malaysia tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang cuba mempertikaikan kedaulatan negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata Sabah dan Sarawak akan terus kekal berada dalam Malaysia dan kerajaan akan terus mempertahankan kedaulatan wilayah tanpa sebarang kompromi.

“Kerajaan Persekutuan tidak akan tunduk kepada desakan mana-mana pihak yang cuba mempertikaikan kedaulatan negara kita.

“Saya ingin menegaskan bahawa Sabah dan Sarawak akan terus kekal berada dalam Malaysia,” katanya berucap pada Sambutan Hari Malaysia 2020 di Stadium Terutup Sibu, di sini, malam tadi.

Muhyiddin berkata, kerajaan

menerusi Majlis Keselamatan Negara dan agensi penguatkuasaan memikul tanggungjawab bersama untuk terus mempertingkatkan kawalan sempadan negara.

Katanya, ia adalah bagi mengekang sebarang cubaan untuk menceroboh dan mengancam kedaulatan negara.

“Ini termasuk melaksanakan Ops Benteng dan meningkatkan penguatkuasaan di Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM),” katanya.

Media melaporkan Malaysia tiada sebab untuk berunding dengan Filipina mengenai tuntutan negara itu ke atas Sabah kerana tidak pernah mengiktiraf tuntutan berkenaan.

Pendirian itu diulangi Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Hussein ketika meluahkan keke-

cewaan terhadap kenyataan Presiden Parti Warisan Sabah (WARISAN), Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, yang mencadangkan Malaysia berunding dengan Filipina.

Mohd Shafie sebelum ini dilaporkan berkata, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah harus diselesaikan menerusi rundingan kerajaan dengan kerajaan di antara Malaysia dan Filipina.

Mohd Shafie berkata, selagi tiada kata putus membabitkan kedua-dua negara, Filipina akan menimbulkan provokasi.

Beliau berkata, negara jiran itu perlu diberi kefahaman jelas bahawa tidak timbul lagi isu tuntutan ke atas Sabah kerana kedudukan Sabah dalam Malaysia diiktiraf Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).